

28 MAR 2002

Mahathir-Arafat/I

MALAYSIA KUTUK USAHA ISRAEL LEMAHKAN ARAFAT

SHAH ALAM, 28 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengutuk sebarang usaha oleh Israel untuk melemahkan kuasa Presiden Palestin Yasser Arafat, yang ia dakwa bertanggungjawab bagi serangan berani mati di Tebing Barat.

Beliau berkata: "Kami kesal dengan idea untuk melemahkan Arafat. (Jika) anda lakukan, beliau tidak boleh mengawal pengikutnya yang akan bertindak meletupkan diri mereka dalam pasar-pasar raya Israel."

"Bagaimana beliau dapat mengawal (pengikutnya) bila anda langsung tidak mengiktiraf atau menghormati kuasanya," kata perdana menteri kepada pemberita selepas melancarkan kren buatan Fevelle Favco Cranes (M) Sdn Bhd, di sini.

Beliau diminta mengulas mengenai keganasan yang semakin meningkat di Tebing Barat di mana serangan berani mati yang terbaru membunuh 16 penduduk Israel dan mencederakan 140 orang yang lain di sebuah restoran hotel di Netanya, semalam.

Hamas mendakwa bertanggungjawab melakukan serangan itu tetapi Israel menyalahkan Arafat kerana tidak menggunakan sepenuhnya kuasa beliau untuk bertindak terhadap kumpulan militan itu.

Arafat memutuskan tidak menghadiri Sidang Kemuncak Liga Arab minggu ini di Beirut daripada mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan Israel, yang tidak memberi jaminan sama ada beliau akan dibenarkan pulang.

Dr Mahathir berkata: "Tidak pernah seorang ketua kerajaan dihalang daripada meninggalkan negaranya."

Mengenai pergolakan dalam MCA, beliau berkata mana-mana urusan dalaman parti perlu diselesaikan oleh parti itu sendiri dan bukannya oleh kerajaan atau mahkamah.

Beliau ditanya mengenai isu sama ada 261 cawangan baru MCA boleh menyertai pemilihan parti itu kerana ada pihak berkata cawangan-cawangan ini ditubuhkan tahun ini dan tidak layak terlibat dengan pemilihan parti.

Pengerusi jawatankuasa pemandu pemilihan MCA Datuk Seri Dr Ting Chew Peh menolak dakwaan itu dengan menjelaskan bahawa kesemua cawangan itu ditubuhkan mengikut perlembagaan dan diluluskan oleh jawatankuasa pusat parti sebelum 31 Dis lepas.

-- BERNAMA

RIZ JK NAK MAI